



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

PROGRAM SMART SBB TERBUKTI BERHASIL

KUALA LUMPUR, 9 NOVEMBER 2021 – Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) terbukti berhasil meningkatkan pendapatan dan produktiviti pesawah serta pengusaha dengan pengurusan sumber secara optimum melalui program penyatuan tanah sawah.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata program ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ke arah meningkatkan tahap sara diri atau *self-sufficiency level* (SSL) beras negara melalui kerjasama strategik dengan pihak swasta terutamanya pemain industri padi dan beras. Ianya penting bagi memastikan sekuriti bekalan beras negara sentiasa terjamin walau dalam apa keadaan sekalipun. Elemen jaminan sekuriti makanan merupakan prioriti MAFI dalam usaha meningkatkan ketersediaan makanan negara dan telah dijajarkan dalam dokumen dasar utama Kementerian iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025.

Katanya lagi, Program SMART SBB ini juga dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah selain turut meningkatkan hasil pendapatan pesawah sebanyak 50 peratus.

Tiga entiti utama yang akan terlibat secara langsung dalam melaksanakan program SMART SBB adalah pesawah, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan syarikat peneraju yang dilantik oleh Kerajaan.

Jalinan kerjasama pintar dan strategik awam-swasta ini telah bermula pada 23 Februari 2021 antara MAFI dengan sebelas syarikat peneraju bagi Sesi 1/2021 yang mensasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar menerusi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan atau pendekatan lain yang bersesuaian.

Dalam usaha memperluaskan program ini, tujuh buah syarikat peneraju bagi Sesi 2/2021 telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kerajaan pada hari ini. Majlis ini turut dihadiri oleh pemain-pemain industri termasuk wakil pesawah program SMART SBB Sesi 1/2021 yang terdahulu dan disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan berserta Pengurusan Tertinggi MAFI.

Tujuh buah syarikat peneraju Program SMART SBB yang bersetuju menandatangani komitmen dan kerjasama strategik ini adalah:

1. Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS);
2. Satu Cita Sdn. Bhd.;
3. PTG Builder Services Sdn. Bhd.;
4. Sermaju Agro Sdn. Bhd.;
5. Panji Tulin Enterprise;
6. Advansia (Sarawak) Sdn. Bhd.; dan
7. Unggul Venture Sdn. Bhd.

Penggunaan teknologi canggih atau *Internet of Things* (IoT) selaras dengan pembangunan *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0) dalam penanaman padi adalah elemen penting yang ditekankan dalam Program SMART SBB. Antaranya adalah penggunaan dron bagi pemantauan yang lebih berkesan dan penyemburhan *input* pertanian seperti baja dan racun. Elemen teknologi yang diterapkan dapat mengurangkan kos penanaman disamping meningkatkan produktiviti hasil pertanian padi.

Kejayaan Program SMART SBB Sesi 1/2021 yang lalu telah diterjemahkan melalui pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) MAFI. Sehingga Oktober 2021, bilangan penglibatan dan hasil pendapatan kumpulan sasar iaitu pesawah, telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 280 peratus. Seramai 3,811 orang pesawah telah mendapat manfaat daripada program SMART SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.

Majlis MOU SMART SBB Sesi 2/2021 kali ini juga turut diserikan dengan Pelancaran Buku Koleksi SMART SBB “Lonjakan Lestari Industri Padi dan Beras” yang memaparkan koleksi kisah kejayaan pelaksanaan program dan pelancaran produk hasil Program SMART SBB Sesi 1/2021 iaitu Beras Wangi Tempatan Sunflower dari Ladang SMART SBB Sekinchan. Beras ini dijangka akan berada di pasaran di seluruh negara mulai 10 November 2021 dengan harga runcit RM33 bagi pek 5kg.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dato' Azulita Salim.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
9 NOVEMBER 2021**